

01 OCT 2003

LIMA-TEMPATAN (NAJIB)

LIMA '03 BUKTI KEMAMPUAN SYARIKAT MARITIM DAN AEROANGKASA TEMPATAN

LANGKAWI, 1 Okt (Bernama) -- Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA 03) telah membuktikan bahawa syarikat maritim dan aeroangkasa tempatan kini mempunyai berkeupayaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Menurutnya syarikat-syarikat tempatan kini terbabit dalam kerja pembuatan yang canggih dan berteknologi tinggi seperti membina kapal peronda, simulator, mengubah suai kapal terbang dan helikopter.

"Pertumbuhan syarikat-syarikat maritim dan udara tempatan amat menakjubkan pada LIMA 03 ini berbanding pada mula pameran LIMA dilancarkan pada 1991."

"Mereka kini boleh bersaing di peringkat antarabangsa," katanya pada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat mingguan kabinet di Rumah Kabinet Gunung Raya di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat mingguan itu yang turut dihadiri timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri-menteri kabinet lain.

Najib berkata hasil usaha berterusan kerajaan, banyak syarikat tempatan seperti Airod, Composite Technology Research Malaysia (CTRM), ATSC, Sapura, Deftech dan System Consultancy Services (SCS) berjaya dalam bidang yang diceburi.

Beliau bagaimanapun mengingatkan syarikat-syarikat tempatan bahawa persaingan pasaran pertahanan antarabangsa adalah amat sengit dan kadangkala keputusan pemberian kontrak tidak berdasarkan pada sebab-sebab teknikal.

Penubuhan Malaysia Defence Industries Council (MDIC) oleh kerajaan, katanya, juga bertujuan untuk memacu industri pertahanan negara ke suatu tahap yang lebih tinggi pada masa depan.

Menurutnya, MDIC akan membantu negara berdikari dalam industri pertahanan selain mendokong Dasar Pertahanan Negara dengan lebih berkesan menerusi penguasaan teknologi pertahanan moden.

Selain itu katanya, sebarang pembelian sistem pertahanan negara pada masa ini juga akan memastikan usaha sama antara syarikat tempatan dan luar negeri bagi menghasilkan komponen-komponen tertentu di dalam negara.

"Pembelian sistem persenjataan negara bukan lagi sekadar mengkehendaki syarikat asing memindahkan teknologi mereka tetapi kita akan memastikan juga komponen-komponen tertentu sistem itu dihasilkan dalam negara menerusi perkongsian pintar syarikat tempatan dan luar," katanya.

Sementara itu, Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Mengenai Pemilihan Angkasawan Negara, berkata jawatankuasa pelbagai agensi itu akan bermesyuarat tidak lama lagi bagi menggariskan kriteria pemilihan angkasawan.

Menurut Najib Agensi Angkasa Negara (AAN) akan bertanggungjawab menyelaraskan usaha bagi mengiklan, menapis, menemuduga serta memilih angkasawan negara yang pertama itu.

Malaysia akan menghantar angkasawannya yang pertama pada tahun 2005 menerusi program bersama Rusia sebagai sebahagian daripada perjanjian pembelian pesawat pejuang Sukhoi SU-30MKM bernilai USD900 juta. -- BERNAMA

MHI LAT AHM